

BANK ISLAM RAIKAN PEMENANG KEMPEN PEMBIAYAAN MEGA DAN AL-AWFAR

32 pemenang terpilih bawa pulang pelbagai hadiah

KUALA LUMPUR, Rabu, [11 Februari 2026]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank) meraikan 32 pelanggan terpilih produk pembiayaan Peribadi-i, Rumah-i, Kenderaan-i dan deposit Bank Islam bersempena dengan penganjuran Majlis Penyampaian Hadiah Kempen Pembiayaan Mega dan Al-Awfar 2025 di Menara Bank Islam baru-baru ini.

Penyampaian hadiah disempurnakan oleh Pegawai Bertanggungjawab merangkap Ketua Pegawai Perniagaan Kumpulan Bank Islam – Perbankan Runcit, Mizan Masram.

Dengan lebih 8,800 pemenang setahun, kempen Al-Awfar terus menarik perhatian pasaran menerusi bilangan penyertaan yang memberangsangkan dan minat berterusan. Trend ini turut mencerminkan keberkesanan kempen dalam menggalakkan aktiviti transaksi serta memupuk kesetiaan jangka panjang pelanggan terhadap Bank Islam.

Di bawah adalah senarai pemenang Kempen Al-Awfar 2025 yang diraikan pada majlis ini:

JENIS HADIAH	SENARAI PEMENANG
WANG TUNAI RM 1 JUTA	AMTI SAMAD
BMW 320I M SPORT	DATO' INDERA WAN BAKRI WAN ISMAIL
HONDA HRV	MOHAMAD EZWAN MOHAMAD ZAIN
	MOHAMAD OSMAN
WANG TUNAI RM150,000	MOHD HISHAMZURI ABDULLAH
WANG TUNAI RM100,000	MEOR DESEMBAR ABDUL RASHID
1KG JONGKONG EMAS	MOHD RIZAM SHAMSUDIN
MOTOSIKAL HARLEY DAVIDSON ROAD GLIDE SPECIAL	NOR AZILAH MOHD NOOR
	ROSNABA IBRAHIM

Mizan berkata, “Kempen Pembiayaan Mega dan Al-Awfar 2025 adalah salah satu cara Bank Islam menghargai pelanggan atas kepercayaan dan sokongan yang diberikan kepada kami selama ini. Bagi meneruskan momentum ini, Bank Islam akan memberi nafas baharu dan menjenamakan semula Al-Awfar dengan memperkenalkan AWFAR. Ia bukan sekadar nama baharu tetapi juga struktur dan ciri-ciri yang lebih menarik bagi manfaat pelanggan.”

Mulai 9 Februari 2026, AWFAR menjadi satu-satunya akaun transaksi di Malaysia yang menawarkan kemudahan urus niaga harian yang lebih mudah dan pantas. Dengan nilai hadiah tahunan melebihi RM15 juta, pelanggan berpeluang memenangi hadiah lumayan bernilai lebih RM1 juta setiap bulan. Selain itu, Bank Islam turut menganjurkan pelbagai kempen lain sepanjang tahun 2026.

Beliau menambah, “Pengenalan AWFAR mencerminkan komitmen berterusan Bank Islam untuk meningkatkan pengalaman perbankan serta memenuhi kehendak kewangan pelanggan yang menginginkan produk-produk pembiayaan patuh Syariah yang inovatif dan bersesuaian dengan keperluan semasa.”

Kempen Pembiayaan Mega 2025 menawarkan dua (2) unit kenderaan elektrik PROTON e.MAS 7 sebagai hadiah utama, dengan seorang pemenang dipilih melalui cabutan pada setiap setengah tahun. Selain itu, Bank Islam turut menyediakan pelbagai hadiah sampingan untuk pelanggan terpilih. Secara keseluruhan, kempen ini menampilkan 102 pemenang merentasi dua fasa, dengan 51 pemenang bagi setiap fasa.

Memasuki edisi kedua penganjuran, Kempen Mega 2025 menunjukkan pertumbuhan sebanyak 13.08% dalam permohonan pembiayaan Peribadi-i, Rumah-i, dan Kenderaan-i Bank Islam.

Untuk maklumat lanjut dan permohonan akaun dan produk pembiayaan Bank Islam, sila layari www.bankislam.com atau muat turun aplikasi BIMB Mobile melalui App Store, Play Store atau Huawei AppGallery.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai lebih 100 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.